

03/01/1998

Zaman bersara selepas 35 tahun

Fazli Abdullah

DATUK Mohd Zaman Khan, sudah tidak asing lagi dalam institusi kepolisan di negara ini selepas berkhidmat selama 35 tahun dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Walaupun dipinjamkan selama empat tahun sebagai Ketua Pengarah Penjara, beliau masih pegawai kanan polis sehingga bersara wajib, semalam.

Memulakan perkhidmatan dalam pasukan polis sebagai Kadet Asisten Superintendan (K/ASP) pada 1 Jun 1962, beliau terus cemerlang dan menggilap nama dalam PDRM sehingga dipinjamkan ke Jabatan Penjara pada 1994.

Anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan yang mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Tok Uban sebelum ke Kolej Sultan Ismail, Kota Bharu dan Sekolah Menengah Victoria Kuala Lumpur, memegang pelbagai jawatan dalam PDRM.

Beliau pernah dilantik sebagai Pegawai Penyiasat Jenayah di Ipoh pada 1963-1966), Ketua Polis Daerah Batu Gajah dan Grik (1966-67), Klang (1967-68), Butterworth (1968-69), George Town (1969-72) dan Petaling Jaya (1972-73).

Pada 1975-76, Mohd Zaman mengetuai Cawangan Trafik Kuala Lumpur dan Ketua Jabatan Jenayah Selangor (1976-78). Pada 1978-80, beliau dilantik sebagai Ketua Polis Selangor, Ketua Polis Pulau Pinang (1980-83) dan Ketua Polis Bandaraya.

Selepas dinaikkan ke pangkat Komisioner, Mohd Zaman dilantik sebagai Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, diikuti Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah pada 1990-1994 dan dipinjamkan ke Jabatan Penjara pada 1994 hingga beliau bersara.

Berdasarkan kepada pengalaman luas dalam bidang kepolisan dan sumbangannya, beliau dianugerahkan Darjah Panglima Gagah Pasukan Polis (PGPP) oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar pada 24 Julai 1996.

Ketika berada pada saat-saat kegemilangan bersama pasukan polis, Mohd Zaman dipinjamkan ke Jabatan Penjara sebagai Ketua Pengarah berikutan persaraan Datuk Mohd Yassin Jaafar.

Mohd Yassin adalah pegawai kanan polis pertama dipinjamkan ke jabatan itu bagi memulihkan imej jabatan itu berikutan beberapa krisis seperti penyeludupan dadah dan kes Abdullah Ang.

Mengimbas kembali pembabitannya dalam institusi kepenjaraan di negara ini, Mohd Zaman menjelaskan beliau tidak berminat serta dukacita dengan keputusan itu.

"Dengan ikhlas saya kata, mula-mula saya dukacita dipinjamkan ke Jabatan Penjara tetapi sebab dipanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan cara penerangan beliau begitu menarik, sungguhpun tidak suka, saya datang juga.

"Saya pegawai polis, aktif dalam polis, datang penjara macam kerja baru, tetapi di atas permintaannya, saya datang juga. Dalam tiga bulan masih bingung, tidak ada minat, saya seorang manakala yang lain pegawai penjara ... macam penjajah.

"Selepas tiga bulan, dengan ikhlas saya kata, saya bersyukur dan di sinilah saya nampak tempat yang boleh melakukan apa yang saya idamkan iaitu kerja kebajikan, menolong mangsa dadah, wanita dijadikan pelacur. Kerja ini memberi kepuasan hati kepada saya," kata Mohd Zaman ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Mohd Zaman yang akan membabitkan diri dalam kegiatan kebajikan seperti

Pemadan selepas persaraannya, menjelaskan walaupun kecewa dipinjamkan ke Jabatan Penjara tetapi puas hati berkhidmat dengan jabatan itu.

"Saya tidak nafikan (kecewa), tetapi saya masih pegawai kanan polis. Saya dapat kepuasan hati dengan melakukan tugas di penjara, seolah-olah boleh menggantinya (kekecewaan)," katanya.

Sebagai seorang pegawai kanan polis yang berpengalaman, Mohd Zaman melakukan perubahan apabila memegang teraju Jabatan Penjara dengan memberi penekanan kepada aspek pemulihan ngabaikan faktor keselamatan.

Pendekatan yang digunakannya terbukti berkesan serta mendapat sambutan daripada banduan.

"Mereka (banduan) nampaknya faham hasrat kita dan mereka keluar tak balik lagi. Apa yang dikesan ialah kesyukuran mereka ke atas usaha kita. Mereka celik mata," katanya yang menganggap pendekatannya memperolehi kejayaan.

Meneliti kunci kejayaannya, beliau sedar sebagai seorang baru dalam institusi kepenjaraan, beliau perlu mengamalkan sikap terbuka dengan pegawainya bagi memastikan tindakan dan peraturan yang diperkenalkan berkesan.

Sikap terbukanya itu membolehkan beliau bekerjasama baik dan membentuk satu pasukan yang mantap bagi menguruskan institusi berkenaan.

"Dalam menguruskan tugas, saya bersikap terbuka dengan pegawai yang terbabit kerana saya bukan seorang pegawai penjara.

Nak melakukan sesuatu perkara itu mesti ada asas, jadi mereka yang beri asas kepada saya bergerak kerana mereka lebih peka dengan masalah penjara," katanya.

Walaupun mempunyai kuasa sebagai Ketua Pengarah, Mohd Zaman menghormati banduan kerana dia juga adalah insan. Malah, sikapnya yang menghormati banduan membantu menyelesaikan kes jenayah.

Contohnya, satu kes kecurian di Klang tetapi polis tidak tahu siapa yang melakukannya walaupun menahan seorang lelaki yang disyaki terbabit. Suatu hari, isteri dan anak lelaki terbabit ingin berjumpa dengan lelaki itu. Mohd Zaman membenarkan lelaki itu berjumpa dengan anak dan isterinya tanpa digari (sepatutnya bergari).

"Saya buat begitu kerana teringat alangkah hinanya dia jika dilihat isteri dan anaknya yang tangan bergari. Saya minta buka gari, tidak elok anak dan isterinya tengok dia bergari. Pada sebelah malamnya, lelaki itu mengaku dia mencuri kerana dia dilayan sebagai manusia di depan isteri dan anaknya iaitu buka gari.

"Pengalaman itu mendorong saya melayan banduan sebagai manusia. Sesetengah orang kata biar banduan malu tetapi bagi saya, sebaliknya. Jika dia tahu apa yang kita buat sebagai menghormatinya, dia akan lebih menilai usaha kita," katanya.

Selepas lapan tahun jawatan tertinggi Jabatan Penjara dipegang oleh pegawai kanan polis iaitu sejak 1990, Mohd Zaman mengalu-alukan keputusan kerajaan menyerahkan kembali pucuk pimpinan jabatan itu kepada pegawai penjara.

Sambil mengakui pegawai polis sesuai memegang jawatan berkenaan kerana berpengalaman menangani kes jenayah, tetapi pegawai penjara yang terlatih dan matang dengan masalah kepenjaraan wajar menduduki tempat itu.

"Sudah kena banjir sekali, jadi jangan banjir datang lagi. Rumah terbakar sekali, jagalah pendawaian kita supaya tidak terbakar lagi, nanti orang lain pula ambilalih pula tempat itu," katanya secara simbolik.

Kemasukan Mohd Zaman ke institusi penjara bukan sahaja memulihkan semangat pegawai dan kakitangan penjara tetapi mengembalikan imej jabatan itu yang tercalar pada akhir 1980.

(END)